

PENDAHULUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara permohonan penyertaan untuk Anugerah Inovasi JKR Malaysia. Maklumat lanjut mengenai syarat-syarat pencalonan, kriteria dan proses penilaian serta tatacara penyertaan bagi setiap kategori anugerah di atas adalah seperti di **Lampiran A sehingga Lampiran D1**.

Anugerah ini terbahagi kepada **lima (5) kategori** seperti berikut:

KATEGORI ANUGERAH INOVASI JKR MALAYSIA 2021 :

| | |
|---|---------------|
| A. Anugerah Inovasi Pengurusan JKR Daerah Terbaik | Lampiran A-A1 |
| B. Anugerah Inovasi Pengurusan Pejabat Terbaik | Lampiran B-B1 |
| C. Anugerah Inovasi Pengurusan Pembinaan Terbaik Kategori Projek RM500 Ribu hingga RM20 Juta | Lampiran C-C1 |
| D. Anugerah Inovasi Pengurusan Pembinaan Terbaik Kategori Projek melebihi RM20 Juta | Lampiran C-C1 |
| E. Anugerah Inovasi Pengurusan Projek Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Terbaik | Lampiran D-D1 |

TATACARA PENILAIAN

Tatacara Penilaian pada tahun ini adalah seperti yang berikut:

- i. **Dokumen pembuktian** berdasarkan kriteria penilaian hendaklah dihantar kepada urusetia dalam bentuk *hardcopy*.
- ii. **Satu (1) slaid pembentangan** yang mengandungi maklumat projek dan ringkasan kriteria penilaian juga perlu disediakan dan dihantar dalam bentuk **softcopy** dan **hardcopy** kepada pihak urusetia untuk penilaian awal oleh panel penilai.
- iii. **Lima (5) penyertaan terbaik** akan dinilai secara bersemuka. Sebarang perubahan terhadapa kaedah penilaian ini tertakluk kepada keadaan semasa.
- iv. Peserta diingatkan untuk menghantar **satu (1) salinan borang penyertaan** yang dicetak dari eanugerah.jkr.gov.my dan menghantar bersama **dokumen pembuktian** dan **slaid pembentangan** kepada urusetia sebelum tarikh tutup pada **30 Ogos 2021**.